

'Kemajuan perkuat Islam'

BH - 20/12/2019 m/s: 3

Pembangunan dapat pertahan ummah daripada ditindas

Kuala Lumpur: Malaysia, Turki dan Qatar semalam senada mengajak pemimpin negara Islam membangunkan negara masing-masing sehingga maju dan kuat, sekali gus mampu mempertahankan ummah yang kini ditindas dan dipaksa meninggalkan tanah air mereka.

Mewakili Malaysia, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menggunakan pentas Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 semalam dengan mengingatkan bahawa tiada satu pun negara Islam sekarang dikategorikan maju, sebaliknya dirujuk sebagai negara membangun walaupun memiliki pelbagai kekayaan.

"Hanya dengan kemajuan, Islam akan jadi kuat, mampu mempertahankan umatnya yang kini berdepan cabaran besar termasuk ditindas dan dipaksa meninggalkan negara masing-masing," katanya.

Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan pula mahu negara-negara Islam mencari kesilapan sendiri terlebih dahulu kenapa majoriti umat Islam masih bergelut dengan kelaparan, kemiskinan dan kejahilan walaupun negara mereka memiliki segala kemudahan, minyak, penduduk serta sumber semula jadi.

Pendirian sama dikongsi Emir Qatar, Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani yang menegaskan, adalah hampir mustahil untuk negara Islam mengekalkan kedaulatan dan kebebasan membuat keputusan dalam keadaan ekonomi yang mundur dan bergantung kepada pihak lain.

Mengulas lanjut pentingnya untuk dunia Islam menjadi maju, Dr Mahathir yang menyampaikan ucapannya pada majlis pelancaran Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 semalam, turut membangkitkan persoalan apa yang menghalang negara-negara

Islam mencapai status berkenaan.

"Kita lihat negara-negara yang dimusnahkan oleh Perang Dunia Kedua bukan hanya dapat pulih dalam masa singkat, tetapi dapat berkembang dengan pesat untuk menjadi negara maju, namun beberapa negara Islam lain pula dilihat gagal ditadbir urus dengan baik, apa lagi untuk menjadi sebuah negara yang maju dan sejahtera.

"Adakah agama kita yang menjadi penghalangnya? Adakah Islam menentang kejayaan dunia-wi dan menjadi sebuah negara maju? Atau umat Islam sendiri menghalang negara mereka daripada diuruskan dengan baik, daripada menjadi sebuah negara maju?" soalnya.

Perdana Menteri yang juga pengerusi persidangan berkenaan, berkata sesetengah negara Islam sebaliknya semakin mundur sehingga meletakkan kebergantungan terhadap penjajah yang sebelum ini mentadbir negara mereka.

Sambil mengajak umat Islam mengembalikan kegemilangan tamadun agama itu, bukan saja dari sudut keagamaan, malah dalam pentadbiran dan ilmu pengetahuan, Dr Mahathir berkata, tamadun Islam suatu ketika dulu amat dikenali lagi disegani sehingga melahirkan ramai pemimpin terkenal dalam pelbagai bidang.

"Namun, perpecahan umat akibat perbezaan pendapat menyebabkan Islam melalui zaman kejatuhan. Bermula abad ke-15, tamadun Islam mula jatuh sedikit demi sedikit. Pemikir Islam ketika itu mengeluarkan pandangan berbeza sehingga mengabaikan nilai Islam itu sendiri dan akhirnya orang Islam kehilangan negara, dijajah oleh Eropah.

"Daripada saat kejatuhan itu, mereka belum pulih biarpun selepas mencapai kemerdekaan. Jadi, jika perkara ini berterusan, kita akan terus menjadi lemah, terus ditindas dan akhirnya kita jatuh sehingga agama agung ini dianggap sebagai agama yang gagal," katanya.

Akibat kemunduran dan teka-



Dr Mahathir menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019, semalam.
(Foto Asyraf Hamzah/BH)



nan yang dialami, katanya, muncul segelintir pihak melakukan tindakan tidak rasional sehingga memburukkan Islam atas nama jihad, agama suci digelar agama pengganas dan Islam dilihat jahat serta buruk.

"Mereka yang menggunakan cara keganasan ini menyebabkan orang tidak berdosa terkorban termasuk rakan seagama. Apa yang mereka dapat daripada tindakan itu? Jawapannya tiada apa-apa, sebaliknya Islam dilihat jahat dan buruk.

"Kini Islamofobia, ketakutan yang sepatutnya telah merendahkan agama kita di mata dunia, tapi kita perlu tahu bagaimana rasa takut ini timbul, sama ada ia adalah benar atau semata-mata propaganda penentang kita atau kombinasi kedua-duanya," katanya.

Dunia Islam juga, katanya, perlu berhadapan masalah pembunuhan sesama sendiri, perang sivil, kerajaan yang gagal dan ba-

nyak lagi bencana yang membelenggu ummah tanpa sebarang usaha serius diambil bagi mengurangkan atau menamatkan atau usaha untuk memulihkan agama.

Dr Mahathir berkata, semua isu itu boleh dibincangkan di peringkat tertinggi, tetapi buat masa ini sebagai permulaan ia hanya membabitkan beberapa negara menerusi Sidang Kemuncak Kuala Lumpur.

"Jadi, inilah antara sebab kita berkumpul hari ini. Kita mungkin melihat gambaran yang suram, tetapi itu tidak bermakna kita sudah tewas. Kita perlu melihat ke belakang, di mana tamadun Islam berada di kemuncaknya dan mengembalikan kegemilangan itu," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, Sidang Kemuncak Kuala Lumpur bukan bertujuan mendiskriminasi atau mengasingkan sesiapa, sebaliknya mencari jalan bagi menangani masalah dihadapi dunia Islam dan ummah yang diharapkan boleh dibawa ke platform lebih besar untuk pertimbangan.

"Islam, Muslim dan negara mereka berada dalam krisis, tidak berdaya. Tidak layak bagi agama agung ini yang dimaksudkan untuk menjadi yang terbaik bagi umat manusia," katanya.